



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan  
Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(SPACE)

## **BAHAGIAN PERTAMA : PENGENALAN**

### **SEJARAH PENUBUHAN *UTMSPACE***

Titik permulaan kewujudan UTMSPACE di Universiti Teknologi Malaysia adalah pada Julai 1993 setelah mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia pada 15 Oktober 1992. Objektif penubuhannya adalah untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan yang menawarkan program pendidikan berterusan berteraskan pembangunan profesional dan peningkatan kerjaya kepada setiap lapisan masyarakat. Penubuhannya adalah berasaskan falsafah bahawa pendidikan merupakan proses sepanjang hayat dan setiap individu yang mempunyai hasrat serta bermotivasi untuk meningkatkan pencapaian sendiri, boleh dibangunkan dan boleh dididik tanpa mengira usia atau latar belakang pencapaian akademiknya yang lepas.



[www.spaceutm.edu.my](http://www.spaceutm.edu.my)

**Sekolah Pendidikan Profesional dan  
Pendidikan Berterusan**

No 40 - 50, Jalan Kebudayaan 1,  
Taman Universiti, 81300 Skudai Johor

**HOTLINE:07-5212000** Faks:07-5205725

**Sekolah Pendidikan Profesional dan  
Pendidikan Berterusan**

Universiti Teknologi Malaysia *City Campus*,  
Jalan Semarak, 54100 Kuala Lumpur

Tel: 03-2615 4465 Faks: 03-2698 4424

**"Excellence through Continuing Education"**



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan  
Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(SPACE)

## Pengenalan

### PERKEMBANGAN *UTMSpace*

Di awal penubuhannya, tumpuan *UTMSpace* adalah untuk menyediakan program-program jangka pendek seperti kursus pendek, seminar, bengkel universiti dan latihan di tempat kerja. Menyedari bahawa terdapat permintaan yang besar ke atas program pengajian separuh masa di kalangan pekerja dewasa maka *UTMSpace* telah menawarkan program akademik perdana secara separuh masa bermula daripada sesi akademik 1995/1996. Ia merangkumi program di peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Diploma Lulusan Ijazah dan Sarjana. Seterusnya mulai sesi akademik 1996/1997, *UTMSpace* telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Program Kerjasama UTM dengan kolej-kolej swasta dan pada tahun 1998 *UTMSpace* telah bertindak sebagai urusetia Program Pengajian Jarak Jauh.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan pengurusan dan perkhidmatan kepada pelanggan, mulai sesi akademik 1999/2000, Program Pengajian Separuh Masa telah digolongkan kepada tiga kategori yang berbeza. Semua program pasca ijazah telah dipusatkan di bawah kelolaan Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) dan program-program kerjasama pula diletakkan di bawah pengurusan Unit Pengurusan Program Kerjasama (UPPK). Justeru itu, *UTMSpace* secara khususnya hanya mengendalikan Program Pengajian Separuh Masa dan Program Pengajian Jarak Jauh di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda sahaja.

Mengimbas kembali sejarah latar belakang *UTMSpace*, semenjak tahun pertama penubuhannya sehingga tahun 1994, *UTMSpace* telah beroperasi di satu ruang terhad dengan keluasan lantai lebih kurang 900 kaki persegi di Aras 4, Bangunan Pentadbiran UTM, Skudai Johor. Ruang tersebut menampung 3 bilik pegawai iaitu Pengarah, Timbalan Pengarah dan Pegawai Penyelidik serta satu ruang pejabat yang memuatkan 3 orang staf sokongan.



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan  
Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(SPACE)

## PENGENALAN

Pada tahun 1995, *UTMSPACE* telah berpindah ke ruang yang lebih besar di Aras 2, Bangunan Pentadbiran yang sama. Ruang yang lebih selesa ini mempunyai 4 bilik pegawai, 1 bilik mesyuarat kecil, pantri dan ruang pejabat. Pada tahun yang sama, *UTMSPACE* telah membuka cawangannya di Kampus UTM Kuala Lumpur dan ditempatkan di Aras 2, Pejabat Pendaftar. Terdapat 1 bilik pegawai dan ruang pejabat sahaja yang dikhaskan untuk *UTMSPACE*.

Seterusnya operasi *UTMSPACE* telah berkembang pesat selari dengan pertambahan bilangan pelajar terutama di pusat pembelajaran Kuala Lumpur dan sejajar dengan perkembangan tersebut, bilangan staf juga bertambah daripada 6 kepada 31 orang. Sehubungan dengan itu juga, ruang pejabat *UTMSPACE* di Kuala Lumpur yang terletak di Pejabat Pendaftar telah diperluaskan sesuai dengan jumlah staf yang semakin bertambah.

Kini, Pejabat *UTMSPACE* di Kampus Skudai telah berpindah ke bangunan sendiri bertempat di Taman Universiti, Skudai Johor. Bangunan yang menjadi mercu tanda SPACE ini terdiri daripada 9 unit rumah kedai dua tingkat dengan keluasan lantai lebih kurang 14,000 kaki persegi ini telah menelan belanja sebanyak RM4 juta yang diperolehi hasil dari penjanaaan pendapatannya sendiri.

*UTMSPACE di awal penubuhannya pada  
tahun 1992*





**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan  
Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(SPACE)

## PENGENALAN



*Bangunan UTMSPACE yang tersergam indah  
di 40-50, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti*

Universiti memberi kepercayaan kepada *UTMSPACE* untuk menjadi *One Stop Centre* dalam mengendalikan Program Pembangunan Profesional di mana pada Julai 2004, Unit Pembangunan Profesional (UPP) ditubuhkan. Tujuan utama penubuhan UPP ini ialah untuk memasarkan kepakaran dan kemahiran yang terdapat di semua Fakulti/ Pusat Kecemerlangan UTM dengan menawarkan set program latihan kepada golongan profesional.

Di antara produk UPP yang dipasarkan ialah :

1. Kursus Pendek;
2. Sijil Profesional;
3. Seminar;
4. *In House Training/ Customized*;
5. Persidangan;
6. Kemahiran Generik; dan
7. Kontrak.



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan  
Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(SPACE)

## PENGENALAN

Pada Mac 2004, *UTMSPACE* diberi tanggungjawab untuk mengurus dan mengendalikan Program UTM Degree++ untuk semua pelajar UTM terutamanya kepada bakal graduan. Melalui program ini, UTM menjadi universiti pertama yang memperkenalkan program kemahiran generik. Program UTM Degree++ ini merupakan satu 'Tanggungjawab Sosial Korporat' (*Corporate Social Responsibilities, CSR*) bagi *UTMSPACE* kepada pelajar-pelajar UTM. Program ini menggalakkan pelajar UTM mengikuti sekurang-kurangnya satu kursus kemahiran tambahan selain ilmu akademik yang diperolehi sepanjang tempoh pengajian. Tujuannya ialah bagi melengkapkan graduan UTM dengan tambahan kompetensi dalam bidang tertentu supaya lebih berketrampilan, berkeyakinan dan berdaya saing semasa mencari pekerjaan setelah menamatkan pengajian di UTM.

Program Pengajian Siswazah (Pesisir) pada awalnya adalah di bawah pengurusan *UTMSPACE*. Namun begitu mulai sesi akademik 1999/2000, Universiti telah meletakkan semua Program Pengajian Siswazah (Pesisir) di bawah kelolaan Sekolah Pengajian Siswazah (SPS). Dengan kepercayaan yang diberikan oleh Universiti, segala urusan pengurusan program tersebut telah diletakkan di bawah tanggungjawab *UTMSPACE* sedikit demi sedikit bermula pada 16 September 2006. Program ini menawarkan program Sarjana secara separuh masa kepada individu yang berminat untuk melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Sepanjang mengendalikan Program Pengajian Siswazah ini, seramai 402 orang pelajar telah mendaftar untuk mengikuti program peringkat Sarjana Separuh Masa.

Bermula 17 Ogos 2007, dengan rasminya Program Pengajian Siswazah dikendalikan semula oleh SPS bermula Semester II, Sesi 2007/2008. Walau bagaimanapun pihak *UTMSPACE* masih dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pelajar Program Sarjana Separuh Masa bagi Semester I dan II Sesi 2006/2007 dan Semester I Sesi 2007/2008.



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan  
Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(SPACE)

## PENGENALAN

Pada 6 November 2007, Unit Pengajian Siswazah *UTMSPACE* secara rasminya ditukar kepada Unit Program Eksekutif. Pertukaran tersebut adalah bersesuaian dengan fungsi unit berkenaan yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus semua Program Eksekutif anjuran *UTMSPACE* di samping menjalankan Program Pengajian Siswazah Separuh Masa terdahulu sehingga selesai.

Pada Julai 2006, *UTMSPACE* telah mengembangkan rangkaian produknya dengan menubuhkan Unit Bahasa Inggeris yang bertujuan untuk mengendalikan program-program kemahiran Bahasa Inggeris jangka pendek iaitu *Intensive English Course* (IEC) dan kursus *tailor made* untuk industri dan badan berkanun.

Pada Mac 2007, *UTMSPACE* telah menubuhkan Unit Pemasaran dan Perhubungan Pelanggan yang merangkumi tiga seksyen iaitu Seksyen Perhubungan Pelanggan, Seksyen Promosi dan Komunikasi dan Seksyen Pemasaran. Dengan penubuhan unit ini, *UTMSPACE* giat mempromosikan produk dan perkhidmatannya dan memperkukuhkan kedudukan *UTMSPACE* di persada antarabangsa.

Penstrukturan semula Carta Organisasi *UTMSPACE* oleh Dekan *UTMSPACE* yang baru, **Prof. Madya Dr. Khairul Anuar bin Abdullah** telah membawa banyak perubahan serta ke arah pentadbiran yang lebih efisien.

Pada April 2008, UTM Degree++ yang dahulunya dikelolakan oleh Unit Pembangunan Profesional secara rasminya ditubuhkan menjadi sebuah unit yang baru iaitu Unit UTM Degree++ dan diletakkan di bawah seliaan Timbalan Dekan (Akademik).



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan  
Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(SPACE)

## Pengenalan

### DEKAN-DEKAN *UTMSpace*

Dari awal penubuhannya, mereka yang telah dilantik menerajui *UTMSpace* terdiri daripada :



**Profesor Omar Munir**

*6 Julai 1993 – 25 Julai 1995*



**Profesor Dr. Ismail bin Bakar**

*26 Julai 1995 – 25 Julai 1997*



**Profesor Dr. Karsono bin Ahmad Dasuki**

*26 Ogos 1997 – 1 Julai 1998*



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan  
Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(SPACE)

## PENGENALAN



**Profesor Dr. Ismail bin Kailani**

*1 Ogos 1998 – 31 Julai 2001*



**Profesor Dr. Bahrom bin Sanugi**

*1 Ogos 2001 – 31 Ogos 2002*



**Profesor Dr. Mohd Yusof bin Abu Bakar**

*16 September 2002 – 12 November 2002*



**Profesor Dr. Md. Nor bin Musa**

*10 Februari 2003 – 20 November 2003*



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan  
Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(SPACE)

## PENGENALAN



**Profesor Ir. Dr. Mohd Azraai bin Kassim**

*12 Januari 2004 - 29 Februari 2008*



**Profesor Dr. Muhd. Zaimi bin Abd. Majid**

*1 Mac 2008 - 31 Mac 2009*



**Prof. Madya Dr. Khairul Anuar bin Abdullah**

*1 April 2009 sehingga kini*



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan  
Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(SPACE)

## **PENGENALAN**

### **FALSAFAH**

Pendidikan adalah proses sepanjang hayat, maka SPACE yakin bahawa setiap individu yang mempunyai keinginan serta berusaha memajukan diri boleh dididik tanpa mengira umur serta sejarah pencapaian akademiknya yang lepas

### **VISI**

Untuk Menjadi Pusat Kecemerlangan Dalam Pendidikan Berterusan

### **MISI**

Menyediakan perkhidmatan pendidikan berterusan yang berkualiti berteraskan sains dan teknologi melalui kaedah pengendalian yang luwes dan mesra pelanggan





## Pengenalan

### DASAR KUALITI UTMSPACE

*UTMSPACE* beriltizam ke arah kecemerlangan perkhidmatan dalam menawarkan pendidikan berterusan untuk mencapai 100% kegirangan pelanggan (*customer delight*). *UTMSPACE* akan mengamalkan sistem pengurusan kualiti yang cekap, berkesan dan sentiasa melaksanakan penambahbaikan secara berterusan untuk menjadi sebuah organisasi yang bertaraf dunia.

### OBJEKTIF KUALITI UTMSPACE

1. Untuk mencapai sekurang-kurangnya **80% indeks kegirangan pelanggan** dalam menawarkan perkhidmatan;
2. Mengurangkan aduan pelanggan ke arah **aduan sifar**;
3. Memastikan semua tenaga pengajar adalah berkelayakan dan berpengalaman;
4. Memastikan **80%** daripada pelajar **meneruskan pengajian** pada setiap semester berikutnya;
5. Memastikan **80% pelanggan menjelaskan yuran pengajian** dalam tempoh dan had yang ditetapkan;
6. Menyediakan latihan **40 jam** untuk staf sokongan dan staf pengurusan mengikut Jadual Latihan Tahunan yang ditetapkan;
7. Mendapat sekurang-kurangnya **70% penganjuran Program Pembangunan Profesional** mengikut *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan;
8. Mencapai sekurang-kurangnya **85% kelulusan Smartpartner baru dan Program baru**;
9. Memastikan pelajar mendapat sekurang-kurangnya **gred B** dalam Kursus Intensif Bahasa Inggeris; dan
10. Menjalankan sekurang-kurangnya **70% kursus yang dirancang** pada setiap semester pengajian.



## Pengenalan

### PIAGAM PELANGGAN

*Kami staf Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan (SPACE) berikrar bahawa :*

**1. Pelajar Program Pengajian Separuh Masa akan memperolehi :**

- a. Kelulusan akademik yang diiktiraf oleh kerajaan dan badan profesional serta menepati keperluan industri;
- b. Perkhidmatan yang berkualiti untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran dalam persekitaran kondusif.

**2. Peserta Kursus Pembangunan Profesional akan memperolehi :**

- a. Program Pembangunan Profesional yang akan dapat memenuhi pelbagai bidang kemahiran untuk sektor industri dan perkhidmatan;
- b. Tenaga pengajar Program Pembangunan Profesional yang berwibawa, profesional dan berpengalaman mengikut bidang pengkhususan.

**3. Majikan akan memperolehi :**

- a. Graduan atau peserta kursus yang kompeten;
- b. Graduan atau peserta kursus yang boleh mengaplikasikan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang diperolehi untuk manfaat organisasi.

**4. Masyarakat dan Kerajaan akan memperolehi :**

- a. Sumber tenaga manusia terlatih berasaskan teknologi selaras dengan wawasan Negara;
- b. Program sepanjang hayat yang berkualiti.

**5. Pensyarah akan memperolehi :**

- a. Pembayaran tuntutan dalam tempoh **sepuluh (10)** hari bekerja dari tarikh penerimaan borang yang lengkap.



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan  
Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(SPACE)

## **Pengenalan**

### **NILAI KUALITI UTAMA *UTMSpace***

#### **TINDAK BALAS PANTAS (*FAST RESPONSE*)**

Memberi tindak balas terhadap keperluan, permintaan dan aduan pelanggan dengan kadar segera dalam tempoh yang munasabah.

#### **PRODUK DAN PERKHIDMATAN BERKUALITI (*QUALITY PRODUCTS AND SERVICES*)**

Menghasilkan produk/ perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak pelanggan serta sentiasa relevan dengan keadaan semasa.

#### **FOKUS KEPADA PELANGGAN (*CUSTOMER FOCUSED*)**

Pelanggan adalah menjadi keutamaan dalam mengambil tindakan atau membuat keputusan selari dengan konsep

**'Proses Seterusnya Adalah Pelanggan'.**



## PENGENALAN

### OUTPUT UTAMA *UTMSPACE*

Output utama *UTMSPACE* boleh dikategorikan kepada dua iaitu **perkhidmatan** dan **produk**. Setiap unit di *UTMSPACE* memainkan peranan yang penting dalam menentukan perkhidmatan dan produk yang diberikan adalah memenuhi kepuasan dan kehendak pelanggan. Sehingga kini, *UTMSPACE* menawarkan **enam (6)** jenis produk kepada pelanggan-pelanggannya :

1. Program Pengajian Separuh Masa (Diploma dan Ijazah)
2. Program Pembangunan Profesional
3. Program Eksekutif
4. Program UTM Degree++
5. Program Bahasa Inggeris
6. *Online Courseware*

#### 1. Program Pengajian Separuh Masa (PSM)

Selari dengan hasrat Universiti untuk menjadikan *UTMSPACE* sebagai Pusat Kecemerlangan dalam Pendidikan Berterusan (*lifelong learning*), *UTMSPACE* menawarkan program di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda secara separuh masa melalui Pengajian Separuh Masa (PSM). PSM merupakan program akademik Arus Perdana (Sepenuh Masa) yang ditawarkan secara **separuh masa** pada hujung minggu.

Ia merupakan peluang pengajian yang ditawarkan oleh *UTMSPACE* kepada individu-individu yang berminat untuk meningkatkan mutu pembelajaran dalam usaha yang menyumbang kepada peningkatan kerjaya mereka. Sehingga kini terdapat **32 program** yang ditawarkan di bawah PSM yang diadakan di **14 pusat-pusat pembelajaran** di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.



## PENGENALAN

Berikut adalah program-program yang ditawarkan mengikut fakulti :

BIL	KURSUS
<b>Fakulti Alam Bina</b>	
1	<b>SBW</b> Sarjana Muda Perancangan Bandar & Wilayah <i>Bachelor of Urban and Regional Planning</i>
2	<b>SBS</b> Sarjana Muda Senibina <i>Bachelor of Architecture</i>
3	<b>SBC</b> Sarjana Muda Sains (Pembinaan) <i>Bachelor of Science (Building)</i>
4	<b>SBQ</b> Sarjana Muda Ukur Bahan <i>Bachelor of Quantity Surveying</i>
5	<b>SBL</b> Sarjana Muda Senibina Lanskap <i>Bachelor of Architecture Landscape</i>
<b>Fakulti Kejuruteraan Awam</b>	
6	<b>SAW</b> Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam) <i>Bachelor of Engineering (Civil)</i>
<b>Fakulti Kejuruteraan Mekanikal</b>	
7	<b>SMM</b> Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal) <i>Bachelor of Engineering (Mechanical)</i>
<b>Fakulti Kejuruteraan Elektrik</b>	
8	<b>SEE</b> Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik) <i>Bachelor of Engineering (Electrical)</i>
<b>Fakulti Kejuruteraan Kimia &amp; Kejuruteraan Sumber Asli</b>	
9	<b>SKK</b> Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia) <i>Bachelor of Engineering (Chemical)</i>
10	<b>SKG</b> Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia-Gas) <i>Bachelor of Engineering (Chemical-Gas)</i>
11	<b>DKK</b> Diploma Kejuruteraan Kimia <i>Diploma in Chemical Engineering</i>



## PENGENALAN

BIL	KURSUS
<b>Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi</b>	
12	<b>SGT</b> Sarjana Muda Sains (Pentadbiran & Pembangunan Tanah) <i>Bachelor of Science (Land Administration &amp; Development)</i>
13	<b>SGH</b> Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah) <i>Bachelor of Science (Real Estate Management)</i>
14	<b>SGU</b> Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik) <i>Bachelor of Engineering (Goematic)</i>
<b>Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat</b>	
15	<b>SCK</b> Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) <i>Bachelor of Science Computer (Software Engineering)</i>
<b>Fakulti Pendidikan</b>	
16	<b>SPH</b> Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) <i>Bachelor of Technology with Education (Living Skills)</i>
17	<b>SPN</b> Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains) <i>Bachelor of Science with Education (Science)</i>
18	<b>SPI</b> Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Pengajian Islam) <i>Bachelor of Technology with Education (Islamic Studies)</i>
19	<b>SPT</b> Sarjana Muda Sains dan Komputer Serta Pendidikan (Matematik) <i>Bachelor of Science and Computer with Education (Mathematics)</i>
<b>Fakulti Sains</b>	
20	<b>SSC</b> Sarjana Muda Sains (Kimia-Industri) <i>Bachelor of Science (Chemical-Industry)</i>




## PENGENALAN

BIL	KURSUS
<b>Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia</b>	
21	<b>SHD</b> Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi) <i>Bachelor of Management (Technology)</i>
22	<b>SHF</b> Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) <i>Bachelor of Management (Marketing)</i>
23	<b>SHR</b> Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia) <i>Bachelor of Science (Human Resource)</i>
<b>Kolej Sains dan Teknologi</b>	
24	<b>DDA</b> Diploma Kejuruteraan Awam <i>Diploma in Civil Engineering</i>
25	<b>DDE</b> Diploma Kejuruteraan Elektronik <i>Diploma in Electronics Engineering</i>
26	<b>DDC</b> Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat) <i>Diploma in Computer Science (Information Technology)</i>
27	<b>DDJ</b> Diploma Kejuruteraan Mekanikal <i>Diploma in Mechanical Engineering</i>
28	<b>DDW</b> Diploma Pengurusan Teknologi (Perakaunan) <i>Diploma in Management</i>
29	<b>DDQ</b> Diploma Ukur Bahan <i>Diploma in Quantity Surveying</i>
30	<b>DDZ</b> Diploma Sains Komputer (Multimedia) <i>Diploma in Computer Science (Multimedia)</i>
31	<b>DDG</b> Diploma Pengurusan Teknologi <i>Diploma in Management Technology</i>
32	<b>DPI</b> Diploma Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) <i>Diploma in Science with Education (Islamic Studies)</i>



## Pengenalan

### Pusat Pembelajaran PSM





## PENGENALAN

Berikut adalah pusat-pusat pembelajaran bagi PSM.

Bil	Pusat Pembelajaran	Kod Pusat	Tempat Kuliah & Makmal/ Bengkel
1	Johor Bahru	01	<b>Universiti Teknologi Malaysia</b> 81310, Skudai , Johor
2	Kuala Lumpur	02	<b>Universiti Teknologi Malaysia</b> <i>International Campus,</i> Jalan Semarak, 54100 Kuala Lumpur
3	Pulau Pinang	03	<b>Penang Skill Development Centre (PSDC)</b> 1, Jalan Sultan Azlan Shah, Bandar Bayan Baru, 11909 Bayan Lepas
4	Ipoh	05	<b>Politeknik Ungku Omar</b> Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak
5	Kuala Terengganu	06	<b>MCM iTech Development Sdn. Bhd.</b> No.25.04 Tingkat 4, KT Business Centre Jalan Sultan Muhammad 21100 Kuala Terengganu, Terengganu
6	Kota Bharu	07	<b>Cosmopoint College of Technology</b> No. 5-8, Vista Square, Jalan Sri Cemerlang, 15350 Kota Bharu, Kelantan
7	Kuantan	08	<b>Kolej Shahputra</b> BIM Point, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang
8	Kulim	09	<b>Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah</b> Kulim Hi-Tech Park, 0900 Kulim, Kedah
9	Kota Kinabalu	11	<b>Kolej Yayasan Sabah</b> Kampus C-Pusat Kerjasama KYS-UTM Jalan Ibu Pejabat JKR Off Jalan Mat Salleh, Sembulan 88100 Kota Kinabalu, Sabah
10	Kuching	12	<b>Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak</b> JKR Training Centre Jalan Wan Alwi, 93350 Kuching, Sarawak



## PENGENALAN

Berikut adalah pusat-pusat pembelajaran bagi PSM (samb).

Bil	Pusat Pembelajaran	Kod Pusat	Tempat Kuliah & Makmal/ Bengkel
11	Kerteh	13	<b>Terengganu Advanced Technical Institute (AITI)</b> Kampus TATI, Jalan Panchor, Telok Kalong, 24000 Kemaman, Terengganu
12	Shah Alam	27	<b>Pusat Kegiatan Guru (JAIS) Negeri</b> Jalan Bukit Jati Kampung Jawa, Klang
13	Bintulu	29	<b>Malaysia LNG Sdn. Bhd. (MLNG)</b> P.) Box 89, Tanjung Kidurong, Bintulu, Sarawak
14	Klang	31	<b>Pusat Kegiatan Guru (JAIS) Negeri</b> Jalan Bukit Jati Kampung Jawa, Klang



## PENGENALAN

### 2. Program Pembangunan Profesional (PPP)

*UTMSPACE* telah mula bergiat secara aktif dalam menawarkan Program Pembangunan Profesional (PPP) pada Julai 2004. Satu unit khas yang dikenali sebagai Unit Pembangunan Profesional (UPP) telah ditubuhkan untuk mengendalikan program tersebut. Program-program yang dijalankan adalah seperti kursus pendek, *in-house*, seminar/persidangan dan sijil professional.

Berikut adalah pecahan PPP yang dikendalikan oleh *UTMSPACE* :

#### **Kursus Pendek**

Terdapat lebih **350 kursus** di dalam pelbagai bidang termasuklah Sains, Kejuruteraan, Teknologi dan Pengurusan. Kursus pendek selama 2 hingga 4 hari ini dipilih berdasarkan *trend* pasaran dan dikemaskini mengikut keperluan pelbagai jabatan. Ia dijalankan di seluruh Malaysia bagi memberi peluang kepada orang ramai menyertai kerana berdekatan dengan lokasi mereka dan seterusnya mendapat maklumat yang berkaitan.

#### ***In-house***

Kursus dirancang dan dikendalikan mengikut maklumbalas majikan sama ada jabatan kerajaan atau swasta. Direka khas mengikut spesifikasi bagi memenuhi keperluan majikan dan boleh dikendalikan di premis pelanggan ataupun di UTM sendiri. Selepas perbincangan rapi, majikan akan ditawarkan dengan program yang sesuai termasuk struktur kursus dan sebut harga untuk pertimbangan. Setelah persetujuan dicapai, satu silibus lengkap berkaitan kursus akan diberi.



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan  
Profesional dan  
Pendidikan Berterusan  
(SPACE)

## PENGENALAN

### **Persidangan / Seminar**

Kebiasaannya dijalankan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Ia dijalankan di hotel-hotel dan memberi peluang kepada para profesional dan pakar dalam negara mahupun luar negara untuk memberi pendedahan kepada para peserta tentang teknologi atau teknik terkini dalam bidang masing-masing. Persidangan / Seminar ini mengambil masa selama beberapa hari dan ia menjadi satu platform untuk berkongsi pandangan, idea, kemahiran dan pengetahuan.

### **Kontrak**

Mempunyai persamaan dengan program yang dijalankan secara *in-house*, namun melibatkan tempoh kerjasama yang lebih lama. Ia melibatkan beberapa modul pengajaran yang telah dikenali daripada *subject matter expert* dan diubahsuai mengikut kehendak organisasi.

Sejak penubuhannya pada tahun 2004, UPP telah berjaya menganjurkan sebanyak **438 program** dengan bilangan peserta seramai **13,365 orang**.



## PENGENALAN

### 3. Program Diploma Eksekutif

Program Diploma Eksekutif telah diluluskan oleh Senat UTM pada Disember 2005. Program ini dijalankan selama 13 bulan yang merangkumi 10 hingga 15 modul. Mulai 6 November 2007, Unit Pengajian Siswazah *UTMSPACE* secara rasminya ditukarkan kepada Unit Program Eksekutif. Pertukaran tersebut adalah bersesuaian dengan fungsi unit berkenaan yang bertanggungjawab untuk menguruskan semua Program Eksekutif anjuran *UTMSPACE* yang dahulunya diletakkan di bawah Unit Pembangunan Profesional (UPP).

Program ini merupakan kaedah pembelajaran alternatif kepada golongan pekerja yang sebelum ini tidak berkesempatan untuk menimba pengetahuan akademik secara formal. Pencapaian individu yang mengikuti Program Eksekutif ini dinilai melalui gabungan penilaian akademik dan Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu (Recognition of Prior Learning)

Kursus yang ditawarkan di dalam program ini merangkumi bidang-bidang berikut :

- Pengurusan
- Pembuatan
- Pengilangan
- Perniagaan dan Pemasaran
- Sains dan Teknologi
- Logistik
- Pertanian dan Perladangan



## PENGENALAN

Senarai *smart partner* baru yang telah diberi kelulusan untuk menjalankan Program Eksekutif *UTMSPACE* secara usahasama adalah seperti berikut :

SMART PARTNER	NAMA PROGRAM
Loji Pandu Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli, UTM	<ul style="list-style-type: none"><li>• Eksekutif Diploma (Pengurusan Perniagaan Herba)</li><li>• Eksekutif Diploma (Terapi Komplimentari, Terapi Selepas Bersalin)</li><li>• Eksekutif Diploma (Hipnoterapi Klinikal)</li><li>• Eksekutif Diploma (Aromaterapi)</li><li>• Eksekutif Diploma (Perunding Pelangsingan Badan)</li><li>• Eksekutif Diploma (Pengurusan Tekanan)</li><li>• Eksekutif Diploma (Urutan Holistik)</li><li>• Eksekutif Diploma (Nutrisi Kesihatan)</li><li>• Executive Diploma in Petroleum Facilities Management</li></ul>
Entrepreneurship Institute of Malaysia, Petaling Jaya, Selangor	<ul style="list-style-type: none"><li>• Executive Diploma In Entrepreneurship &amp; Management</li><li>• Executive Diploma In Tourism &amp; Hospitality Management</li><li>• Executive Diploma In Marketing Management</li><li>• Executive Diploma In Technopreneurship</li><li>• Executive Diploma In Intellectual Property Management</li></ul>
MCS College, Banting, Selangor	<ul style="list-style-type: none"><li>• Executive Diploma In Operation &amp; Office Administration</li></ul>
Sun Path Corporation Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Executive Diploma In Shipping &amp; Port Management Practice</li><li>• Executive Diploma In Logistics &amp; Supply Chain Management</li><li>• Executive Diploma In Applied Psychology</li><li>• Executive Diploma In Strategic Business Information Technology</li></ul>



## PENGENALAN

SMART PARTNER	NAMA PROGRAM
Malaysia Open Source Training Centre (MOST), Kota Kinabalu, Sabah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Executive Diploma In Business Management (Hospitality &amp; Tourism)</li> <li>• Executive Diploma In Business Management (Entrepreneurship)</li> </ul>
Knowledge Universe Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Executive Diploma In Accounting &amp; Finance</li> <li>• Executive Diploma In Accounting &amp; Audit</li> <li>• Executive Diploma In Accounting &amp; Taxation</li> <li>• Executive Diploma In Corporate Communication</li> <li>• Executive Diploma In Hospitality Management</li> <li>• Executive Diploma In Marketing</li> <li>• Executive Diploma In Office &amp; Administrative Management</li> <li>• Executive Diploma In Purchasing &amp; Supply Management</li> <li>• Executive Diploma Information Technology</li> <li>• Executive Diploma In Advertising &amp; Media Studies</li> <li>• Executive Diploma In Management Studies</li> <li>• Executive Diploma In Administrative Management</li> </ul>
EMC Management Centre	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Executive Diploma In Business Logistic Management</li> <li>• Executive Diploma In Business Operation Management</li> <li>• Executive Diploma In Project Management</li> <li>• Executive Diploma In Plantation Operation Management</li> <li>• Executive Diploma In Palm Oil Mill Technology &amp; Management</li> <li>• Executive Diploma In Human Capital (Resource) Management</li> <li>• Executive Diploma In Engineering Operation Management</li> </ul>



## PENGENALAN

SMART PARTNER	NAMA PROGRAM
Specialist Knowledge Centre	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Executive Diploma In Technology Management</li> <li>• Executive Diploma In Systems &amp; Communication Technology</li> <li>• Executive Diploma In Oleochemical Technology &amp; Management</li> <li>• Executive Diploma In Manufacturing Technology Management</li> <li>• Executive Diploma In Operation &amp; Production Management</li> <li>• Executive Diploma In Finance</li> <li>• Executive Diploma In Islamic Finance</li> <li>• Executive Diploma In Investment Analysis</li> </ul>
Trent Global Education Group Pte. Ltd.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Specialist Diploma In Facilities Management</li> <li>• Specialist Diploma In Logistic Management</li> <li>• Specialist Diploma In Real Estate</li> <li>• Specialist Diploma In Project Management</li> <li>• Specialist Diploma In Administrative Management</li> <li>• Specialist Diploma In Hospitality &amp; Tourism Management</li> <li>• Specialist Diploma In Building Maintenance</li> <li>• Specialist Diploma In Building Survey</li> <li>• Specialist Diploma In Safety &amp; Risk Management</li> <li>• Specialist Diploma In Civil Engineering &amp; Construction</li> <li>• Specialist Diploma In Strategic Management</li> <li>• Specialist Diploma In General Management</li> <li>• Specialist Diploma In Marketing Management</li> <li>• Specialist Diploma In International Management</li> <li>• Specialist Diploma In Advertising &amp; Media Studies</li> </ul>

Sehingga tahun 2008, enrolmen pelajar Program Eksekutif adalah seramai **1917 orang** dengan **165 graduat**.



## PENGENALAN

### 4. Program Bahasa Inggeris

Unit Bahasa Inggeris ditubuhkan pada November 2006 dengan fokus utamanya mengendalikan Program Bahasa Inggeris. Bermula Semester II, Sesi 2006/2007 menyaksikan Unit Bahasa Inggeris mengendalikan Kursus Intensif Bahasa Inggeris (Intensive English Course (IEC)) bagi pelajar antarabangsa Program Pasca Ijazah di Kampus UTM Skudai dan *International Campus*. IEC bertujuan untuk membantu pelajar mempertingkatkan kemahiran berbahasa Inggeris agar lebih bersedia mengikuti Program Sarjana atau Ijazah Kedoktoran di fakulti masing-masing. Sehingga kini pelajar antarabangsa yang mengikuti IEC untuk Pasca Ijazah dan Ijazah Pertama adalah daripada **China, Gambia, Indonesia, Iran, Iraq, Kazakhstan, Libya, Saudi, Sudan, Somalia, Turki dan Yemen**.

Selain itu, Unit Bahasa Inggeris juga menjalankan program *in-house* dengan organisasi luar iaitu *General English Course* (GEC).

### 5. Program UTM Degree++

Unit UTM Degree++ telah diwujudkan sejak 2005. Penubuhan unit ini adalah untuk memantapkan lagi pelaksanaan Program UTM Degree++ yang telah dipertanggungjawabkan oleh universiti kepada UTMSPACE.

Program yang diwujudkan bagi memberi sumbangan sosial kepada para pelajar tahun akhir UTM iaitu bakal graduan bagi memastikan graduan lulusan UTM berupaya untuk berdaya saing dengan graduan dari universiti-universiti lain di pasaran pekerjaan sebenar. Ia sekaligus dapat membantu mengurangkan jumlah graduan UTM yang menganggur.

Sehingga kini UTM Degree++ telah mengendalikan kursus untuk **32, 655** pelajar dan bakal graduat UTM.